

20 JUN 2001

Abdullah-Teks

TEKS UCAPAN PERASMIAN DATUK SERI ABDULLAH AHMAD BADAWI

KUALA LUMPUR, 20 Jun (Bernama) -- BERIKUT IALAH TEKS PENUH UCAPAN TIMBALAN PRESIDEN UMNO MALAYSIA, DATUK SERI ABDULLAH HAJI AHMAD BADAWI PADA PERASMIAN PERHIMPUNAN AGUNG TAHUNAN PERGERAKAN PEMUDA UMNO DAN PERGERAKAN WANITA UMNO MALAYSIA DI PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA (PWTC) HARI INI.

Kita bersyukur kehadiran Allah swt kerana dengan limpah kurniaNya, kita dipertemukan di dalam Perhimpunan Agung Tahunan Pergerakan Pemuda dan Pergerakan Wanita Umno Malaysia. Semoga perhimpunan ini mendapat petunjuk dan hidayat dari Allah swt. Semoga usaha kita membincang, membicारा, meninjau dan menerokai pemikiran baru akan menghasilkan rumusan-rumusan penting. Semoga rumusan-rumusan itu dapat membantu penggubalan rancangan dan gerak kerja ke arah meninggikan syiar Islam, mendaulatkan kemerdekaan negara, memartabatkan bangsa dan memperkukuhkan perpaduan ummah di bumi tercinta ini.

Saya mengucapkan selamat datang kepada para perwakilan Pergerakan Pemuda dan Wanita Umno yang hadir mewakili Bahagian masing-masing. Setiap saudara-saudari telah melalui proses yang panjang dalam sistem demokrasi yang menjadi pegangan dan amalan parti kita. Hargailah amanah yang telah diberikan kepada saudara-saudari. Saya turut mengalu-alukan kehadiran anggota-anggota dari Puteri Umno yang pertama kalinya hadir sebagai satu entiti baru dalam keluarga besar Umno di persidangan kali ini.

Pada perhimpunan ini, marilah sama-sama kita merakamkan rasa dukacita dan ucap takziah penuh hiba kepada khususnya Yang Amat Berbahagia Datin Seri Dr. Siti Hasmah binti Mohd. Ali dan seluruh keluarga beliau di atas kembalinya ke Rahmatullah Tan Sri Dato Ahmad Razali bin Mohd. Ali, pada 16 Mei lalu. Ucap takziah yang sama kita rakamkan kepada kaum keluarga Allahyarham Dato' Hormat Rafie di atas kembalinya ke Rahmatullah Dato' Hormat Rafie pada 30 Mei lalu. Sebagai memperingati jasa dan khidmat kedua-dua bekas pemimpin Umno itu dan juga para pengasas dan pendukung perjuangan Umno yang telah kembali ke Rahmatullah, sama-samalah kita pohonkan doa semoga roh kesemua mereka berada di kalangan para solehin. Marilah kita sama-sama membacakan suratul Al-Fatihah, semoga pahala dari ucapannya diterima oleh Allah swt dan ganjarannya disampaikan kepada roh-roh Allahyarham ibu-bapa kita, para ulama dan guru-guru serta para pengasas dan pendukung Umno yang telah kembali ke Rahmatullah. Al-Fatihah

Saudara-saudari,

Umno baru sahaja menyambut usia kelima puluh lima tahun. Seramai 2.9 juta umat Melayu dan Bumiputra kini berdaftar menjadi ahli Umno. Jumlah tersebut adalah satu angka yang cukup besar untuk mewujudkan gegaran kepada bangsa jika tarikh ulang tahun ke-55 kelahiran Umno kita sambut dengan gerak kerja berkesan hingga ke tahap yang dapat menyentuh denyut hati dan denyut nadi bangsa kita.

Namun sambutan ulang tahun tarikh penubuhan Umno bagaikan tenggelam. Proses pemilihan pemimpin di peringkat bahagian mengatasi segalanya hingga mengalpakkan majoriti ahli Umno tentang tarikh keramat itu. Lalu sumber, tenaga, pemikiran dan perhatian teralih dari perkara yang lebih pokok dan

agenda yang lebih luas kepada pelbagai polemik di peringkat bahagian kerana ketaksuban menghadapi isu pemilihan hingga pandangan menjadi kabur dan perjuangan menjadi sempit.

Setahun yang lalu, ketika menyampaikan ucapan perasmian diacara yang sama, saya telah mengingatkan persidangan tentang pola pengundian sewaktu berlangsung pilihan raya pada bulan November 1999. Saya juga memperingatkan ahli-ahli Umno supaya tidak terlalu sibuk berebut senduk, hinggakan nasi tumpah ke tanah. Bahawa kemenangan Umno hendaklah dijadikan matlamat utama dalam menggariskan agenda dan gerak kerja parti. Bahawa kejayaan dan kelangsungan Umno dalam arena politik nasional bergantung kepada keyakinan rakyat terhadap barisan kepimpinan kita dan ketulusan kita dalam memperjuangkan nasib majoriti bangsa Melayu. Bahawa kejayaan Umno bergantung kepada komitmen anggota parti mengutamakan kepentingan majoriti dari kepentingan diri atau puak masing-masing.

Umno kehilangan kuasa di Terengganu dan gagal bertapak semula di Kelantan di dalam pilihan raya tahun 1999. Begitu rumit mengembalikan kuasa apabila terlepas ke tangan yang lain. Saya telah mengingatkan supaya pola pengundian terutama dari kalangan pengundi Melayu diambil sebagai loceng amaran, membangunkan kita dari lena mimpi yang di ulik terlalu lama oleh lagu kemenangan. Dalam tempoh setahun yang lalu kita menghadapi dua pilihan raya kecil, satu untuk kerusi Parlimen Teluk Kemang dan satu lagi untuk Dewan Undangan Negeri Lunas di Kedah. Meskipun Barisan Nasional dapat mempertahankan kerusi Parlimen di Teluk Kemang, majoriti kita telah merosot sementara Barisan Nasional tewas di kawasan Dewan Undangan Negeri di Lunas.

Kegagalan berkuasa semula di Kelantan, kehilangan sebuah Kerajaan negeri di Terengganu, kemerosotan majoriti di Teluk Kemang dan kekalahan di Lunas sepatutnya memberikan cukup pengajaran menginsafkan kita akan betapa perlunya diperbetulkan imej Umno supaya kembali menjadi sebuah parti yang gagah lagi perkasa, dihormati lagi disegani demi memperoleh kepercayaan dan sokongan rakyat majoriti.

Namun urusan pemilihan pemimpin tidak menunjukkan bahawa ahli-ahli Umno mengambil iktibar dan pengajaran secara serius. Peristiwa-peristiwa yang berlaku diantara ahli-ahli parti hingga ada yang sampai ke tahap memalukan, menunjukkan bahawa peringatan dan nasihat dari Presiden dan para pemimpin Parti tidak dihayati sepenuhnya. Terlimpahlah segala peringatan dan nasihat bagaikan air yang jatuh ke daun keladi. Pendekatan pencegahan sudah tidak berkesan lagi. Pendekatan pengubatan walaupun pahit perlu dikenakan. Pucuk pimpinan parti lalu mengambil ketetapan menubuhkan Lembaga Disiplin.

Majlis Tertinggi dan Jawatankuasa Pengurusan Parti kini terlalu banyak menghabiskan masa untuk membincang kejadian-kejadian yang tercetus di peringkat cawangan dan bahagian. Fikiran yang sepatutnya ditumpukan bagi menghadapi isu-isu lebih utama untuk kepentingan agama, negara dan bangsa teralih kepada masalah-masalah yang dicetuskan oleh ahli-ahli parti. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan amat merugikan parti dan bangsa Melayu.

Tanggapan bahawa jawatan yang disandang dapat dijadikan landasan yang boleh memberi imbuhan kebendaan perlu dihapuskan. Masanya telah sampai untuk dipisahkan jawatan politik dengan kepentingan perniagaan. Jika kita tidak bertindak tegas, dikhuatiri, pengaruh Umno akan terhakis lalu parti menjadi lemah, perjuangan bangsa hilang wawasan dan masa hadapan negara menjadi kabur.

Jumlah besar ahli Umno tidak memberi makna jika Umno kini bagaikan organisasi yang berpaksikan kabilah masing-masing. Bayangkan betapa perkasanya parti jika seluruh sumber, tenaga, masa dan fikiran, dengan pelbagai muslihat dan helah yang digunakan dalam keghairahan berebut jawatan, dapat digabungkan untuk menghadapi lawan Umno yang sebenar. Saya yakin jika seluruh kegiatan parti dapat diuruskan untuk menghadapi lawan Umno, tidak ada parti politik lain yang dapat menyaingi kekuatan kita.

Setelah bergaduh sesama sendiri, pastinya Umno tidak akan menjadi parti yang gagah. Bberapa banyak masa yang telah terbuang. Bberapa sedikit baki masa yang tinggal sebelum parti sekali lagi perlu menghadapi pilihan raya yang semakin hampir.

Akan berulangkah nasib bangsa seperti yang pernah dialami oleh Kerajaan Melayu di Melaka selepas peristiwa pertikaman Tuah dan Jebat? Akan berulangkah sejarah terhadap bangsa ini untuk dijajah dengan mudah oleh kuasa asing seperti yang berlaku di Temasek, Riau, Bentan, dan Langkawi kerana percakaran sesama sendiri? Masa hadapan parti dan perjuangan, tanggungjawab kita. Perahu di air, pengayuh ditangan, jika tiada tenaga untuk berdayung, hanyutlah ia dibawa arus.

Dalam merangka agenda jangka panjang memperteguhkan perpaduan nasional, Umno amat menyedari bahawa perpaduan Melayu perlu terlebih dahulu diperkukuhkan supaya Melayu itu menjadi bangsa yang bersatu dan padu, senada dalam bersuara, sederap dalam melangkah terutama dalam isu-isu berhubung dengan Agama Islam, Raja-Raja Melayu, Bahasa Kebangsaan dan kedudukan istimewa orang-orang Melayu. Untuk itu, Majlis Tertinggi Umno telah mengambil ketetapan mahu mengadakan perjumpaan dengan PAS. Dalam semangat persaudaraan Islam dan dalam keinsafan mengutamakan nasib bangsa, Umno mengambil daya usaha menghulurkan tangan mahu mengadakan pertemuan diantara pemimpin kedua parti.

Malangnya hasrat mahu mengadakan pertemuan diperingkat tertinggi untuk kedua parti politik terbesar ini masih belum tercapai. Umno dikenakan pelbagai syarat. PAS terus mengadakan pelbagai helah. PAS lebih terbuka untuk melayan DAP walaupun dalam banyak perkara DAP dan PAS jauh berbeza. Dalam keghairahan untuk meraih sokongan bukan Melayu, pemimpin PAS membayangkan mereka berpendirian lebih liberal terhadap tuntutan bukan Melayu.

PAS telah lama menggunakan Islam untuk memecah belahkan sesama Melayu. Kini kerana agenda politik, PAS secara terang memberikan harapan kepada orang-orang bukan Melayu kesedian PAS menggugurkan keistemewaan yang telah diperuntukkan untuk orang-orang Melayu. Dalam memenuhi agenda sempit politik, PAS sanggup melafazkan pendirian yang boleh menggadaikan kedudukan istimewa orang-orang Melayu apabila menghadapi kumpulan sasar bukan Melayu.

Adakah PAS hari ini berpegang kepada dasar yang tidak lagi mempercayai bahawa bangsa Melayu itu perlu diberikan keistemewaan? Dan adakah PAS tidak sedar bahawa bangsa Melayu itu umat Islam yang kedudukannya perlu di bela? PAS perlu diingatkan bahawa sokongan politik yang mereka perolehi baik di Kelantan, Terengganu, Perlis, Kedah, Perak, Selangor dan Pahang adalah dari kawasan-kawasan yang pengundi majoritinya terdiri dari bangsa Melayu. Jika PAS telah menggunakan agama untuk menipu umat Islam, PAS hendaknya janganlah menggadaikan kedudukan Melayu untuk menipu orang-orang bukan Melayu. Jangan bersandiwara dalam majlis-majlis yang dianjurkan oleh

orang-orang bukan Melayu tetapi bila balik ke lubuk sendiri lain pula nada dan bahasanya.

PAS sejak ditubuhkan mengambil pendirian menentang Umno terkecuali dalam tahun-tahun 1973 hingga 1977 sewaktu menyertai KERAJAAN CAMPURAN dan bersama-sama menganggotai BARISAN NASIONAL. Namun sedarlah bahawa agenda pembangunan Melayu masih belum selesai. Hasrat mengadakan perjumpaan dengan PAS adalah untuk saling bertukar fikiran dalam menentukan agenda Melayu yang lebih luas; agenda Melayu yang lebih menyeluruh, agenda untuk memastikan bangsa Melayu tidak menjadi dagang di negara sendiri, agenda Melayu yang tidak disempitkan oleh matlamat politik jangka pendek. Sedar dan insaf, bahawa kita di dalam UMNO adalah saudara sedarah sedaging, sebangsa dan seagama. Air dicincang tidak akan putus.

Pintu mengadakan perjumpaan dengan semangat persaudaraan masih terbuka. Jendela bermuhasabah dalam suasana permuafakatan tidak ditutup. Kita telah menjemput. Kita masih menanti. Kita percaya apa juga persefahaman yang dapat kita capai walau sekecil mana sekalipun akan menjadi hadiah besar kepada umat Islam dan bangsa Melayu yang mahukan perpaduan.

PERPADUAN NASIONAL

Kekuatan sesebuah negara yang memiliki komposisi rakyat dari pelbagai agama, kaum dan kebudayaan bergantung kepada kefahaman dan sikap saling menghormati di antara satu sama lain. Ramuan seimbang adalah penting supaya negara-bangsa itu menjadi teguh dan kukuh. Realiti ini disedari dalam menentukan formula sewaktu menuntut kemerdekaan negara, sewaktu penubuhan Persekutuan Tanah Melayu yang disusuli kemudiannya dengan pembentukan sebuah negara-bangsa bernama Malaysia.

Peristiwa berdarah 13 Mei 1969 tercetus akibat dari gema tuntutan gagasan Malaysian-Malaysia yang cuba dijuarai oleh pemimpin-pemimpin parti pembangkang bukan Melayu ketika itu. Akibatnya persengketaan kaum berlaku. Nyawa terkorban, darah tumpah ke bumi, harta benda musnah, negara menghadapi darurat dan sistem demokrasi berparlimen terpaksa digantung. Peristiwa sedih yang berlaku di Kampung Medan pada 4hb Mac 2001 membuktikan bahawa hubungan kaum masih merupakan isu rapuh yang amat sensitif di kalangan rakyat.

Kontrak sosial diantara pemimpin pelbagai kaum dicapai melalui muafakat berasaskan kefahaman tentang keadaan sosial, ekonomi dan politik di negara kita. Menjelang kemerdekaan, kaum bukan Bumiputera dipersetujui dianugerahkan status kerakyatan, sementara orang Melayu dan Bumiputera dipersetujui diperuntukkan dengan kedudukan istimewa dalam perkara-perkara tertentu. Adalah mendukacitakan jika pihak yang lebih awal telah memperolehi status kerakyatan dan telahpun mengecapi nikmat dari status tersebut, hari ini kelihatan mahu menidakkan kedudukan istimewa orang Melayu dan kaum Bumiputera yang matlamatnya memerlukan masa lebih panjang untuk dapat dipenuhi.

Keadaan sosio-ekonomi Bangsa Melayu dan kaum Bumiputera berada jauh di belakang sewaktu negara mencapai kemerdekaan kerana Kerajaan Penjajah senantiasa menindas dan mengamalkan dasar diskriminasi kepada rakyat pribumi negara ini. Di sebaliknya Kerajaan Penjajah merasakan mempunyai obligasi sosial untuk kaum bukan Bumiputera yang mereka bertanggung jawab membawa masuk ke negara ini bagi memenuhi agenda ekonomi Penjajah.

Bangsa Melayu dan kaum Bumiputera memahami realiti bahawa kehadiran

bukan Bumiputera adalah berpunca dari perencanaan penjajah. Menjelang kemerdekaan, bangsa Melayu tidak menunjukkan sifat "racist" terhadap bukan Bumiputera malah menerima mereka diberikan status sebagai warganegara di negara merdeka. Dalam pada itu, orang Melayu dan kaum Bumiputera meminta supaya keistimewaan tertentu dijamin untuk membolehkan mereka satu hari nanti dapat berdiri sama tinggi dan berlari sama pantas dengan kaum-kaum lain. Dengan mencapai kata sepakat kita memudahkan Kerajaan Penjajah membuat keputusan memberikan kemerdekaan. Kemerdekaan negara diperolehi secara aman tanpa menimbulkan sebarang keresahan dan kebimbangan kepada semua kaum yang tinggal di bumi ini.

Kebelakangan ini kita dapati bahawa persetujuan yang telah termaktub 44 tahun yang lalu bagaikan telah dilupakan. Perkara keistimewaan yang diperuntukkan kepada orang-orang Melayu mula dipersoalkan secara lantang tanpa mengambil kira sensitiviti orang-orang Melayu. Ada yang bertanggungjawab bahawa kelantangan bukan Melayu membangkitkan persoalan ini kerana persepsi bahawa BARISAN NASIONAL kembali berkuasa menubuhkan kerajaan dengan kelebihan kerusi dua pertiga dalam pilihan raya 1999 disebabkan sokongan mereka.

Kita menghargai sokongan tersebut. Kita berterima kasih di atas kebijaksanaan mereka membuat pilihan tepat memberikan sokongan kepada Parti yang telah terbukti menunjukkan keupayaan menguruskan negara secara cekap, adil dan saksama. Namun kaum-kaum bukan Melayu tidak harus lupa bahawa orang-orang Melayu juga sejak pilihan raya tahun 1955 telah memberikan sokongan kepada calon-calon PERIKATAN atau BARISAN NASIONAL yang bukan dari calon Umno. Ahli-ahli Umno dengan setia dan bekerja dengan taat memastikan calon-calon bukan Umno yang mewakili PERIKATAN atau BARISAN NASIONAL memperolehi kemenangan pada setiap kali pilihan raya di adakan. Orang-orang Melayu tidak pula membangkitkan perkara yang menuntut sesuatu yang boleh menghakiskan hak bukan Bumiputera.

Malah apabila taraf sosio-ekonomi orang-orang Melayu bertambah baik dan apabila orang-orang Melayu menjadi semakin bersedia untuk bersaing, Kerajaan yang bertunjangkan Umno secara berdikit mula memperkenalkan dasar yang lebih liberal. Sejarah membuktikan bahawa dalam konteks perjuangan Umno, perkongsian kuasa dengan bukan Melayu telah diterima pakai sebagai formula untuk menghadapi pilihan raya dan kemudiannya kerajaan yang diwujudkan. Perpaduan erat yang terbina di kalangan orang-orang Melayu tidak pernah digunakan untuk menindas bukan Melayu. Program meningkatkan martabat bangsa Melayu dilaksanakan secara saksama dengan memperbesarkan peluang-peluang di dalam bidang pendidikan, pekerjaan, perniagaan dan ekonomi tanpa merampas hak bukan Melayu. Agenda memenuhi kedudukan istimewa Melayu dan Bumiputera tidak menghalang daya usaha yang diambil oleh sektor swasta bagi menambahkan peluang untuk bukan Bumiputera.

Dalam hasrat memperteguhkan perpaduan nasional, program berkesan yang dapat menggalakkan proses integrasi kaum perlu diusahakan. Sistem pendidikan merupakan pentas paling baik untuk membantu generasi muda dapat berinteraksi secara 'natural' di antara satu sama lain. Lebih awal mereka berpeluang mengenali kaum-kaum lain lebih tulen hubungan yang terjalin di antara mereka. Malangnya usaha-usaha untuk meningkatkan program integrasi melalui pendekatan pendidikan ditakrif secara sempit sebagai mahu meMelayukan kaum bukan Bumiputera dengan matlamat untuk menghapuskan budaya dan bahasa ibunda mereka.

Kita memberi jaminan bahawa Umno sama sekali tidak berhasrat mahu

membatalkan kontrak sosial yang telah termeterai. Persefahaman terhadap kebebasan beragama, bahasa ibunda dan kebudayaan masing-masing kaum seperti yang termaktub di dalam Perlembagaan akan terus dihormati. Umno menerima hakikat kepada pendekatan kepelbagaian dalam perpaduan dan tidak berpegang kepada pendekatan keseragaman.

Kepada umat Melayu, Umno berjanji akan tetap mempertahankan kepentingan bangsa kita. Kepada yang bukan Melayu, Umno berjanji dasar mempertahankan kedudukan Melayu tidak berniat menindas mereka. Meningkatkan martabat bangsa Melayu adalah agenda utama dan ulung kita. Menjamin keadilan dan kesaksamaan kepada bukan Melayu adalah pendekatan kita. Dengan kejayaan kita membina Melayu yang kuat, kita akan dapat menghapuskan kebimbangan di kalangan bangsa kita. Apabila orang-orang Melayu sudah berasa lebih terjamin kedudukannya, jalinan kerjasama terhadap kaum-kaum lain akan dapat ditingkatkan.

Kepimpinan politik Melayu yang mengutamakan perpaduan nasional telah menunjukkan sikap lebih terbuka di hari ini. Atas semangat untuk membina satu rumpun bangsa yang lebih berpadu dan bersatu, kita sedang menuju ke arah mempertingkatkan program integrasi di antara kaum di alam pekerjaan. Untuk itu Kerajaan telah mengumumkan hasrat untuk menarik lebih ramai bukan Bumiputera menyertai sektor awam termasuk di dalam perkhidmatan polis dan tentera. Kita menyeru supaya pihak swasta secara bersungguh membantu usaha meningkatkan program integrasi kaum dengan mengambil lebih ramai kakitangan Bumiputera.

Jangan berasa terlalu selesa lalu secara sengaja atau tidak sengaja terjebak kepada tindak tanduk yang boleh menjejaskan hubungan harmoni yang kelihatan terjalin diantara kaum pada masa ini. Meskipun negara telah bebas dari ancaman subversif komunis, kita perlu berwaspada akan gerakan subversif lain yang cuba mengeksploitasi isu hubungan kaum untuk mencetuskan kekacauan di negara kita. Jangan sekali meniup bara, takut terbakar seluruh negara.

Membina perpaduan nasional yang sejati memakan masa yang panjang. Membina perpaduan nasional yang tulen memerlukan usaha berterusan. Membina perpaduan nasional yang mantap memerlukan pemikiran yang objektif dan rasional. Membina perpaduan nasional yang teguh menuntut kepada wawasan besar para pemimpin dan pelaksana dasar. Membina perpaduan nasional yang kukuh akan menjadi penentu kepada kestabilan negara dalam jangka panjang.

Untuk meningkatkan usaha perpaduan, saya menyarankan supaya Pergerakan Pemuda, Pergerakan Wanita dan Puteri Umno menubuhkan forum antara kaum dengan rakan-rakan komponen parti di dalam BARISAN NASIONAL. Program lebih berkesan dengan jadual perjumpaan lebih kerap wajar diadakan untuk berbincang secara bertanggung jawab dan berterus terang isu-isu sensitif yang menyentuh hubungan kaum. Gerak kerja dan program politik yang melibatkan penyertaan pelbagai kaum perlu diadakan di setiap peringkat.

Saya percaya gerak kerja dan program politik, baik dalam bentuk khidmat masyarakat, kegiatan sosial malah kursus-kursus politik dan bina semangat jika dapat dilaksanakan secara bersama akan memberi kesan amat positif kepada parti dan negara. Hubungan lebih erat di peringkat kerja akan memberi kesempatan untuk kita lebih mengenali, memahami, menghargai dan menghormati di antara satu sama lain. Gabungan kerjasama politik sedemikian dapat memperkukuhkan rangkaian kerjasama parti-parti di dalam BARISAN NASIONAL dan insyaAllah dapat meningkatkan keupayaan jentera parti untuk

berfungsi dan beroperasi dengan lebih mantap dan berkesan ketika menghadapi pilihan raya.

PENDEKATAN MENGHADAPI CABARAN

Umno perlu memahami cabaran yang sedang dihadapi oleh parti. Politik wang telah memesongkan matlamat asal Umno diwujudkan. Percakaran sesama sendiri telah melarikan Umno dari tujuan murni penubuhannya. Jika keadaan ini tidak dibanteras secara bersungguh Umno akan menjadi parti yang lemah.

Persepsi yang menganggap Umno sebuah institusi yang korup perlu diperbetulkan. Umno perlu mengambil langkah-langkah tegas supaya ia tidak terus dipandang serong. Umno perlu diselamatkan dari barah yang sedang menular di kalangan ahli-ahlinya. Umno perlu berusaha untuk mengembalikan keyakinan rakyat. Umno dan bangsa Melayu begitu sinonim dalam sejarah politik negara kita. Umno laksana jantung yang menggerakkan nadi bangsa. Orang-orang Melayu bagaikan darah yang menentukan jantung terus berdenyut. Jika Umno terpisah dari memahami isi hati, hasrat, perasaan dan aspirasi bangsa, maka akan terhentilah aliran darah lalu jantung mungkin tidak berdenyut lagi.

Umno di abad ini menghadapi majoriti pengundi yang nilai dan pegangan mereka dibentuk oleh realiti yang amat berbeza dari persekitaran era pra dan pasca merdeka. Mereka terdiri dari golongan yang mendapat peluang pendidikan lebih luas, bermutu dan terdedah kepada maya lebih terbuka. Mereka mempunyai fikiran lebih kritikal terhadap apa yang sedang berlaku. Mereka lebih analitikal dalam menilai sifat-sifat jujur, bersih, amanah dan bertanggungjawab. Mereka membuat analisis secara objektif menilai jurang yang terdapat di antara janji dengan pelaksanaan. Mereka berkehendakkan pendekatan lebih telus dan sah membantulas apa yang mereka tafsirkan sebagai penyalahgunaan dasar afirmatif dalam usaha membantu Bumiputera.

Generasi yang dewasa dalam era pra dan pasca merdeka bukan sahaja mempunyai rangkaian ikatan yang kuat dengan Umno malah mereka juga tidak mempunyai banyak pilihan ketika itu. Di sebaliknya generasi semasa hari ini mempunyai alternatif yang membolehkan mereka membuat perbandingan dan pilihan lain. Jika Umno gagal menyelami dan memahami gelombang perubahan ini, pendekatan Umno akan dilihat hambar dan gerak kerja Umno dipandang tidak bermaya. Wawasan Umno dianggap lapuk dan gagasan Umno disifatkan usang. Umno dirasakan tidak memenuhi aspirasi dan gagal memahami perubahan pemikiran rakyat.

Kumpulan sasar yang sedang dihadapi oleh Umno hari ini menuntut pengertian lebih mendalam kepada makna dan pengertian hidup dalam negara merdeka yang sedang berada di ambang status negara maju. Isu-isu yang merangkumi keadilan, hak asasi, kebebasan bersuara, keutuhan kerajaan, ketelusan pengurusan, "accountability", institusi perundangan dan masyarakat bertamadun merupakan perkara-perkara yang diberikan perhatian utama.

Prestasi kemajuan fizikal sahaja melalui program-program yang dilaksanakan oleh kerajaan masih tidak cukup untuk membina keyakinan rakyat terhadap Umno. Pendekatan demikian mungkin sesuai di tahun-tahun lima puluhan hingga tujuh puluhan ketika masyarakat masih berada di dalam keadaan daif dan serba kekurangan. Ketika itu program-program pembangunan prasarana begitu berpengaruh untuk mendapat sokongan rakyat.

Hari ini retorik mengingatkan faktor sejarah semata-mata tidak memberikan kesan mendalam. Tahap tersebut sudah berlalu. Umno tidak boleh bergantung kepada pendekatan di tahun lima puluhan hingga tujuh puluhan untuk menghadapi realiti abad 21. Survival Umno bergantung kepada apa yang dapat Umno lakukan pada masa ini dan masa akan datang. Pendekatan politik dan mekanisma pelaksanaan program parti memerlukan pereka-yasa-an (re-engineering).

Perjuangan Umno akan dianggap ketandusan idealisme jika erti dan makna perjuangan tidak dapat menyentuh hati dan nadi generasi semasa dan baru. Umno perlu menjayakan pereka-yasaannya, di samping idealisme yang progresif dan bergerak dengan pendekatan yang dinamik untuk mendapat tempat di kalangan rakyat. Perjuangan Umno memerlukan ungkapan segar untuk memberikan semangat baru dalam menerajui wadah perjuangan bangsa yang memenuhi cita rasa dan aspirasi majoriti rakyat.

Umno berpegang teguh kepada amalan demokrasi untuk mempertahankan sistem kerajaan pilihan rakyat. Ini telah dibuktikan apabila sistem demokrasi berparlimen dihidupkan semula dalam tahun 1971 setelah digantung selama 21 bulan berikutan peristiwa 13 Mei 1969. Kuasa rakyat untuk menentukan kerajaan akan diteruskan melalui pilihan raya yang menghormati hak mengundi secara sulit. Amalan demokrasi yang dihormati akan turut memastikan bahawa proses pilihan raya dapat berjalan secara aman, bebas dari sebarang penipuan serta memberikan peluang saksama kepada setiap warga untuk menawarkan diri dan dipilih memberikan khidmat kepada rakyat.

Kita menegakkan amalan demokrasi yang sihat. Amalan demokrasi yang sihat akan menghormati suara dan kehendak majoriti rakyat. Demokrasi yang sihat bukan hanya menghargai media yang bebas tetapi perlu didokong oleh media yang turut berperanan memenuhi tanggungjawab sosial dan politik dalam menyampaikan maklumat dan tidak sekadar bergantung kepada sensasi. Demokrasi yang sihat perlu didokong oleh badan-badan bukan kerajaan yang bersedia mengambil tanggungjawab secara bersama untuk membina masyarakat awam yang bertamadun.

Kita memahami betapa perlunya pentadbiran yang cekap dan responsif, program ekonomi yang dinamik hingga berupaya meningkatkan kemakmuran dan merapatkan jurang di antara yang kaya dengan yang miskin, sistem kehakiman yang telus dan penguat-kuasaan undang-undang secara saksama adalah komponen-komponen utama untuk memperkukuhkan sesuatu sistem demokrasi.

Namun dalam hasrat mahu memperkukuhkan amalan demokrasi, kita tidak boleh terburu-buru hingga menyimpang dari budaya berpolitik yang menghargai keamanan dan keharmonian. Amalan demokrasi tidak bererti mengizinkan berlaku kekacauan dan membenarkan tercetusnya keganasan. Kestabilan negara tidak harus terancam dan ketenteraman awam tidak harus tergugat. Kita tidak harus membenarkan diri dijadikan boneka oleh dalang-dalang dari luar yang mempunyai muslihat dan agenda tertentu. Demonstrasi jalanan bukan pendekatan yang dapat diizinkan. Perubahan radikal ala revolusi menggunakan kekerasan hingga boleh mencetuskan pertumpahan darah tidak harus dibenarkan. Tidak ada ertinya pembaharuan jika ia akan hanya mencetuskan anarki. Bangsa lebur, negara hancur. Lalu hilanglah apa yang telah kita capai dan nikmati selama ini. Membina negara berdaya maju memakan masa yang panjang tetapi kemusnahannya boleh berlaku dalam tempoh yang singkat.

Tenaga wanita adalah satu sumber yang telah memberikan kekuatan kepada Umno. Wanita Umno telah menunjukkan contoh baik dan terpuji dari segi

kesetiaan dan pengorbanan di dalam perjuangan. Walaupun dari segi nisbah, tempat-tempat yang diberikan kepada wanita sebagai calon di dalam pilihan raya ataupun jawatan di dalam kerajaan, jauh lebih rendah dari bilangan keahlian mereka di dalam Umno, namun komitmen Wanita terhadap parti tidak pernah terjejas. Pada setiap kali parti menghadapi cabaran, ahli-ahli Wanita Umno dengan tekun dan sabar melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh amanah.

Peranan Wanita dalam mendapatkan sokongan terhadap parti melalui pendekatan peribadi dan kekeluargaan adalah penyumbang besar yang telah memberikan kejayaan besar kepada calon-calon BARISAN NASIONAL ketika menghadapi pilihan raya. Wanita UMNO telah meletakkan satu piawai yang tinggi memberi sumbangan berkesan di dalam arena politik negara. Ini terbukti hingga pihak pembangkang telah turut mengambil langkah untuk meningkatkan emansipasi wanita di dalam pergerakan politik mereka.

Semangat pengorbanan dan sifat setia ahli-ahli Pergerakan Wanita Umno patut sangat dijadikan contoh oleh ahli-ahli Umno keseluruhannya. Dengan tertubuhnya PUTERI UMNO, wanita akan memainkan peranan lebih besar dan berkesan kepada parti untuk menghadapi cabaran semasa dan akan datang. PUTERI UMNO adalah saluran yang membolehkan Pergerakan Wanita dapat disuntik dengan tenaga baru untuk berkecimpung di dalam parti pada peringkat lebih awal. PUTERI UMNO akan dapat memainkan peranan pelengkap kepada perjuangan kita.

Bimbinglah mereka, semaikanlah mereka dengan semangat jati Umno. Bawalah mereka memahami erti perjuangan dan makna pengorbanan. Penubuhan PUTERI UMNO adalah satu inovasi pendekatan dalam hasrat dan kesungguhan Umno memberi peluang kepada tenaga muda memainkan peranan aktif di dalam parti dan politik negara. Di samping itu, ahli-ahli PUTERI UMNO akan dapat menyuarakan idealisme mereka di dalam organisasi politik yang memegang tampuk pemerintahan negara. Saudari-saudari adalah jambatan penghubung di antara generasi muda dan dewasa. Saudari-saudari akan berkesempatan melalui pengalaman mengimbangkan di antara idealisme dengan realiti. Saudari-saudari pastinya menghadapi pelbagai cabaran. Hadapilah segala cabaran dengan cekal. Anggaplah setiap cabaran sebagai proses meningkatkan kematangan diri. Saya sedia memahami situasi yang sedang saudari-saudari tempohi. Jaminan saya Umno tetap berada di belakang saudari-saudari. Tingkatkan penghayatan semangat perjuangan dan kekeluargaan di dalam Umno.

Saya gembira dengan gerak kerja dan hala tuju yang semakin mantap yang ditunjukkan oleh Pergerakan Pemuda Umno kini. Adalah menjadi harapan saya supaya Barisan Pemuda dapat meletakkan Pegerakannya sampai ke peringkat yang dihormati oleh kawan dan digeruni oleh lawan. Sikap Pemuda pantang dicabar; tidak tunduk kepada ugutan; tidak mengundur dalam perjuangan. Inilah semangat Pergerakan Pemuda semasa berada di barisan hadapan memperjuangkan kemerdekaan. Kepada Pergerakan Pemuda hari ini, warisilah semangat ini. Saudara-saudara mesti menepati potensi besar Pergerakan Pemuda sebagai kumpulan penyerang yang akan berada di barisan hadapan jihad kita menentang musuh-musuh dan pengkhianat bangsa.

Di samping itu, siramilah perjuangan Umno dengan nilai dan makna yang dapat menyentuh nadi dan hati generasi angkatan muda di semua peringkat. Perlengkapkanlah diri saudara hingga sampai ke peringkat menjadi pemimpin contoh di kalangan generasi muda. Bersuaralah dengan tegas dan berani menjadi juru bicara kepada aspirasi rakyat. Bantulah negara dalam menyelesaikan isu-isu utama yang menyentuh pendidikan, penyakit sosial,

peluang ekonomi dan masalah remaja. Saya sungguh tertarik dengan langkah Pemuda menubuhkan Angkatan Muda Dakwah. Imarahkanlah masjid dan surau dengan kegiatan-kegiatan makruf untuk melahirkan insan kamil. Sediakanlah Barisan Pemuda yang cekal dan tegakkan benteng pertahanan untuk menghadapi sebarang cabaran yang boleh mengancam kewibawaan parti dan bangsa.

Golongan muda di dalam Umno perlu dibimbing dan diasuh aqidah, moral, sahsiah, keperibadian, pengetahuan dan kemahiran mereka hingga sampai ke tahap menjadi wira dan srikandi negara, sebagai barisan pelapis berwibawa dan unggul untuk meneruskan wawasan dan wadah perjuangan. Buktikanlah kesungguhan dan komitmen kepada parti, bangsa, negara dan agama walaupun belum diberikan jawatan di dalam parti atau kerajaan. Jika kuat, bantu yang lemah; jika kaya, berkongsilah dengan yang miskin; jika berilmu, didiklah yang masih cetek pengetahuan; jika alim bimbinglah yang jahil. Masa dan ketika untuk saudara-saudari mengambil alih pimpinan parti dan negara akan sampai. Tidak ada yang kekal di dunia ini. Berpandulah kepada budaya bangsa, naik berjinjang, turun bertangga; usah dijolok buah dipohon, bila masak gugur sendiri.

Khidmat yang jujur lagi ikhlas tidak akan terlepas dari penilaian Allah s.w.t. yang akan menentukan segalanya. Berkhidmatlah dengan hati yang kudus, berbaktilah dengan jiwa yang tulus semata-mata kerana dan atas nama Allah s.w.t. seperti yang diseru di dalam ayat 162 Surah Al An' Aam yang bermaksud: Katakanlah, "Sesungguhnya sembahyangku, ibadatku, hidupku dan matiku hanyalah untuk Allah, Tuhan semesta Alam"

Kukuhkanlah keperibadian diri dengan bertiangkan iman, berbumbungkan tauhid. Tiada yang lebih murni dari ketakwaan, meredzakan diri kepada takdir Allah s.w.t. Setelah kita berusaha dan berikhtiar, terimalah apa juga dugaan dan rintangan, halangan dan gangguan sebagai ujian daripada Allah s.w.t. Berpeganglah kepada kalam Allah dan yakinlah kepada janji Allah. Al-Baqarah, ayat 112 membawa maksud: "...Bahkan barangsiapa yang menyerahkan diri kepada Allah, sedang ia berbuat kebajikan, maka baginya pahala pada sisi Tuhannya dan tidak ada kekhuatiran terhadap mereka dan tidak (pula) mereka bersedih hati"

Hargailah dengan setinggi-tinggi kesyukuran nikmat yang telah Allah swt. anugerahkan kepada kita. Peliharalah dengan sebaik-baiknya kemerdekaan yang telah dikurniakan oleh Allah Yang Rahman dan Yang Rahim kepada kita. Allah tidak akan menghilangkan nikmat yang telah dilimpahkan kepada sesuatu kaum melainkan kaum itu dengan sendirinya menghilangkan nikmat itu.

Sinarkan diri dengan pancaran iman yang kukuh, amalan yang soleh dan hati yang suci. Umno yang perkasa memerlukan pemimpin yang bersih, amanah dan jujur terhadap dirinya, keluarganya, partinya, bangsanya, negaranya dan agamanya. Pemimpin yang bersih akan dapat menyalakan obor perjuangan murni, menjunjung seruan Ilahi, mengamalkan sunah Rasul, mengisi kemerdekaan negara dan memenuhi aspirasi bangsa. Pemimpin yang bersih akan dapat memelihara kredibiliti parti. Pemimpin yang bersih akan berupaya meningkatkan keutuhan kerajaan pimpinannya dan memperkukuhkan institusi-institusi bukan kerajaan dibawah seliaannya. Pemimpin yang bersih akan berupaya secara berani menegakkan prinsip-prinsip kebenaran, keadilan dan kesaksamaan. Bersih Pemimpin, Bersihlah Umno.

Bersamalah kita memohon supaya negara dan parti dibawah pimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Dr. Mahathir bin Mohamad akan terus diberikan taufik dan hidayah dari Allah swt. Bersamalah kita memohon supaya hayat dan

hidup kita senantiasa berada di dalam lindungan dan bimbingan Allah swt. Bersamalah kita memohon supaya kita dijauhkan dari mendekati perkara-perkara yang boleh memesongkan kita hingga melakukan kekufuran dan tergelincir dari aqidah. Bersamalah kita bersyukur di atas nikmat dan kesenangan yang Allah telah limpahkan kepada kita dan bumi kita. Bersamalah kita memohon supaya dalam tempoh Allah swt memberikan kita ujian dengan menganugerahkan kedudukan dan jawatan, kita akan dapat melaksanakan tanggungjawab dengan penuh amanah, jujur, adil dan saksama. Surah Al-Asr memperingatkan kita:- "Demi masa; Sesungguhnya manusia itu berada dalam kerugian; Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal salih, dan nasihat menasihati supaya mentaati kebenaran serta nasihat menasihati supaya menepati kesabaran".

Semoga segala usaha murni kita diterima Allah sebagai amal dan ibadat. Marilah kita pohonkan keberkatan dengan sekali lagi membaca umul kitab, Al-Fatihah. Dengan kebesaran kalimah 'Bismillah' saya rasmikan Perhimpunan Pergerakan Pemuda UMNO dan Pergerakan Wanita UMNO Tahun 2001. BERSATU! BERSETIA! BERKHIDMAT! HIDUP UMNO! HIDUP MELAYU!

-- BERNAMA
ZS LAT LAT